

17/10/1997

PM muncul walaupun belum cukup sembuh

WALAUPUN baru sembuh daripada selesema, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini tampil ke pentas untuk merasmikan Mesyuarat Menteri Ekonomi Asean (AEM) ke-29 dengan gaya biasanya yang bersemangat dan bertenaga.

Perdana Menteri nampaknya sudah sihat selepas berehat dua hari kerana selesema yang menurut pembantunya, disebabkan alahan beberapa jenis bunga dan aturcara yang terlalu sibuk sebelum itu.

Dr Mahathir yang dikatakan mempunyai alahan kepada debunga, dilaporkan mendapat selesema selepas melancar kempen Teknologi Maklumat di Angkasapuri yang disiarkan secara langsung di TV Sabtu lalu.

Pada majlis di Sunway Lagoon Resort Hotel di sini pagi ini, Dr Mahathir berhenti beberapa kali ketika menyampaikan ucapannya selama 30 minit itu apabila diganggu selesema yang membuatkan beliau terbatuk-batuk.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz datang membantu dengan memberi air kepada beliau.

Hadirin yang ternyata tersentuh oleh keadaan itu, memberi semangat dengan tepukan gemuruh kepada Dr Mahathir.

(END)